

Pejabat Peguam Negara adakan taklimat

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mei. - Sebagai menyokong inisiatif Kementerian Pendidikan di bawah Program Hala Tuju 'Yang Mana Satu' Carian Selepas 'O' Level Explorasi Kerjaya Tahun 2015, Pejabat Peguam Negara mencruskan taklimat ke arah menggalakkan kerjaya Profesion Undang-Undang bagi Sekolah Menengah Sharif Ali dan Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar yang diadakan di Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar.

Taklimat yang disampaikan oleh Penasihat Undang-Undang daripada Pejabat Peguam Negara itu bertujuan untuk berkongsi dengan pelajar mengenai fungsi Pejabat Peguam Negara dan juga kehidupan harian sebagai Penasihat Undang-Undang (Peguam) di Pejabat Peguam Negara serta pilihan yang boleh dibuat oleh pelajar untuk mengikuti lizah Undang-Undang di luar negara seperti United Kingdom, Australia dan Malaysia dan juga di institusi tempatan seperti Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Taklimat tersebut diikuti dengan sesi soal jawab di antara Penasihat Undang-Undang dengan para pelajar di mana pelajar diberikan peluang mengetahui lebih lanjut mengenai peluang pekerjaan di Pejabat Peguam Negara.

Pendaftaran Persidangan Sains Perubatan M-I-B dibuka

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 Mei. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universitas Indonesia (UI) akan mengadakan Persidangan Sains Perubatan Malaysia-Indonesia-Brunei (M-I-B) Ke-9 di bangunan tambahan Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiyah (PAPRSB) pada 11 hingga 13 Jun 2015.

Persidangan tiga hari tersebut akan menjemput profesional-profesional penjaga kesihatan, penyelidik dan pihak ketiga-tiga negara yang berminat untuk bertukar-tukar pengetahuan dan idea dalam bidang sains perubatan. Persidangan yang bertemakan 'Transdisciplinary Approach in Health Care Research', akan membincangkan pelbagai topik yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan termasuk pendidikan perubatan; kanser; kesihatan ibu dan kanak-kanak; obesiti dan kencing manis; penyakit jantung; penyelidikan kesihatan global dan penjagaan kesihatan; penuaan, kesihatan mental dan strok, perubatan alternatif, makanan dan pemakanan; dan perspektif Islam dalam penjagaan kesihatan.

Pengerusi Profesor Kesihatan dan Perubatan Cara Kerja di Institut Sains Kesihatan PAPRSB, Profesor David Koh Soo Quee akan menyampaikan ucapannya yang bertajuk 'Managing disease - a transdisciplinary approach'. Ketua Undergraduate Medical School, University of Glasgow, Professor Matthew Walter yang merupakan rakan kongsi Institut Sains Kesihatan PAPRSB, juga telah dijemput untuk menyampaikan sesi pleno bertajuk 'Interdisciplinary stroke research of novel bioengineering based therapy'. Acara ini juga akan menampilkan bengkel selepas persidangan mengenai topik-topik seperti simulasi penjagaan kesihatan, penyelidikan kesihatan awam dan inisiatif hospital mesra ibadah.

Persidangan ini berfungsi sebagai saluran penting untuk bertukar-tukar idea, bukti-bukti, dan maklumat untuk memulakan kerjasama penyelidikan serta penerbitan penyelidikan dalam kalangan ahli-ahli fakulti di negara-negara serantau. Sebagai contoh kerjasama penyelidikan dari persidangan ini ialah kajian stress dalam kalangan profesional penjagaan kesihatan antara Brunei, Malaysia dan Indonesia.

Persidangan Sains Perubatan M-I-B merupakan sidang dwitahunan antara Institut Sains Kesihatan PAPRSB, UBD, Fakulti Perubatan UKM dan Fakulti Perubatan UI sejak tahun 2005 lagi.

Yuran pendaftaran untuk para peserta ialah BND250 untuk persidangan dan BND100 untuk bengkel selepas persidangan. Bagi pelajar-pelajar pula ialah BND150 untuk persidangan dan BND50 untuk bengkel selepas persidangan. Borang pendaftaran boleh dimuat turun di <http://ihs.ubd.edu.bn>.

Perkhidmatan kejururawatan, perbidanan sangat penting



YANG Di-Pertua PENJURU, Datin Paduka Dayang Hajah Suraya Noraidah semasa menyampaikan ucapan alu-aluan dalam Bengkel Peningkatan Pengurusan dan Pentadbiran Kejururawatan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 Mei. - Perkhidmatan kejururawatan sebagai sebuah organisasi yang giat berkembang ke arah mencapai matlamat untuk memberikan pemuduan serta perawatan kepada setiap individu yang memerlukannya.

Yang Di-Pertua Persatuan Jururawat Negara Brunei Darussalam (PENJURU), Datin Paduka Dayang Hajah Suraya Noraidah binti Abdullah berkata, sebagai satu perkhidmatan yang terbesar bilangan daripada segi tenaga manusia maka pengurusan dan kepimpinan adalah sangat mustahak untuk diberikan perhatian agar semua peringkat dalam menyelaras perkhidmatan dijalankan secara efisien, cekap dan menepati akan matlamat Kementerian Kesihatan di Negara Brunei Darussalam.

Beliau menjelaskan demikian pada Bengkel Program Peningkatan Pengurusan dan Pentadbiran Kejururawatan Sempena Sambutan Hari Kejururawatan Antarabangsa 2015 yang berlangsung di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurutnya, Bengkel Kepimpinan Kejururawatan bertajuk 'Strengthening Nursing Leadership' adalah anjuran Kementerian Kesihatan dan dikendalikan oleh PENJURU dengan usahamasa dengan Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan.

Beliau berkata, bengkel ini dikendalikan oleh Yang Di-Pertua

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hamzah Mohiddin**

Commonwealth Nurses and Midwives Federation sebagai usaha sama dengan Persatuan Jururawat Negara Brunei Darussalam yang mana juga melibatkan beberapa orang pegawai di Jabatan Kejururawatan daripada Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan Negara Brunei Darussalam dan Ahli-ahli PENJURU daripada Institusi Tinggi dan Hospital Swasta di Negara Brunei Darussalam.

"Di dalam memperkukuhkan akan kualiti kepimpinan kejururawatan terutama sekali bagi para jururawat dan bidan di pelbagai sektor perkhidmatan kebolehan di dalam memberikan kepimpinan kepada rakan sekerja, dan jururawat yang mengendalikan pengurusan di bahagian masing-masing adalah ditekankan supaya para jururawat mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi, mempraktikkan etika kerja mengikut garis panduan yang tertera seperti yang termaktub dalam peraturan perilaku kejururawatan atau Code of Conduct dan yang berkaitan dengannya," ujarnya.

Tambahnya, kepimpinan dan kebolehan seorang jururawat dan bidan di dalam mengaturkan rangka kerja di bahagian-bahagian sama ada pada peringkat klinikal, pengurusan atau pentadbiran seharusnya dilaksanakan oleh semua peringkat jururawat.

Beliau menjelaskan, pada masa ini terdapat 2,271 jururawat dan bidan daripada berbilang peringkat dan merangkumi 36 peratus daripada tenaga kerja di Kementerian Kesihatan.

Dengan jumlah yang sebesar ini, katanya, maka kepimpinan semestinya diberikan tekanan kepada para jururawat dan bidan, terutama yang melaksanakan perkhidmatan di akar umbi lagi dan seharusnya diberikan sokongan daripada pihak yang lebih kanan di dalam perkhidmatan kesihatan dan perkhidmatan kejururawatan.

Beliau menambah, matlamat bengkel ini adalah untuk memberikan maklumat mengenai teori dan model-model kepimpinan, di samping mengenal pasti akan ciri-ciri kepimpinan, membuat penilaian mengenai dengan ciri-ciri kepimpinan di dalam profesion kejururawatan dan perbidanan serta mengenalpasti akan

konsep kepimpinan sebagai seorang jururawat dan bidan profesional, jururawat perģijan dan paramedik.

Selain itu, jelasnya, meningkatkan pengetahuan dan mendalami konsep kepimpinan yang sedia ada bagi para jururawat dan bidan jururawat perģijan dan paramedik, di samping memberikan pengetahuan yang khusus kepada para jururawat akan tanggungjawab mereka pada peringkat keapakan masing-masing di dalam menjalankan tugas dan mengaplikasikan teori-teori kepimpinan yang dibincangkan dalam bengkel itu.

Bengkel itu juga diisikan dengan sesi taklimat dari President of Commonwealth Nurses and Midwives Federation, Dayang Hajah Ramziah binti Haji Ahmad.

Pada bengkel kepimpinan selama dua hari itu disertai oleh seramai 120 jururawat dan bidan, jururawat perģijan dan paramedik daripada Bahagian Perkhidmatan Kejururawatan, Kementerian Kesihatan, Jerudong Park Medical Centre, Gleanages dan Pusat Kanser Negara Brunei Darussalam yang juga adalah ahli kepada PENJURU.

Tujuan bengkel adalah untuk memberikan pengetahuan yang lebih mendalam mengenai dengan teori dan praktis di dalam model-model kepimpinan kejururawatan di dalam profesion kejururawatan dan perbidanan.

Selain itu, ianya bertujuan untuk membolehkan para jururawat mengenal pasti akan ilmu dan aspek kepimpinan di dalam penyelesaian masalah, kepimpinan yang beretika dan sebagai seorang profesional kejururawatan mengikut kaedah pengkhususan dan dapat diaplikasikan sebagai landasan di dalam mengaturkan rangka kerja di dalam memberikan perawatan dan pemuduan kepada pesakit.

Di samping itu, ia juga memberikan pendedahan dan aspek-aspek kepimpinan kejururawatan yang dapat digunakan pada semua peringkat dalam pentadbiran, pengurusan memberikan rawatan dan pemuduan yang lebih ber sistematik dan berkesan kepada pesakit ke arah mencapai wawasan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan iaitu Ke Arah Warga Sihat.

Jerayawara aktifkan akaun e-Darussalam

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sharizal Haji Mohd. Said**

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 Mei. - Dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai Portal e-Darussalam, Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (E-Government

National Centre - EGNC) mengadakan Jerayawara e-Darussalam, 'Klinik e-Darussalam' ke Kementerian Pembangunan dengan kerjasama Pengambilan Public Service Commission (PSC Recruitment).

'Klinik e-Darussalam' bagi kementerian tersebut yang bermula hari ini hingga 30 Mei 2015 itu merupakan satu daripada kempen yang dijalankan bagi memastikan peningkatan kesedaran terhadap tujuan dan matlamat portal e-Darussalam sebagai laman rasmi Kerajaan

Negara Brunei Darussalam dalam menyediakan dan memusatkan semua talian perkhidmatan kerajaan, data maklumat dan statistik, kalendar acara dan banyak lagi.

Sistem Pengambilan PSC yang telah dilancarkan pada bulan Februari 2015 akan membolehkan para pencari kerja mencari dan memohon kekosongan jawatan dalam sektor kerajaan secara atas talian.

Klinik ini akan membolehkan Kementerian Pembangunan dan pegawai jabatannya dan ahli-ahli kakitangan untuk mendaftar dan mengaktifkan akaun e-Darussalam mereka dengan serta-merta dan mudah di bangunan kementerian berkenaan.

Memunyai akaun e-Darussalam adalah merupakan keperluan wajib

bagi mengakses semua perkhidmatan dalam talian yang memerlukan

pengesahan pengguna seperti sistem Pengambilan PSC, pembaharuan lesen memandu dan lesen kenderaan, bayaran bil elektrik, penghantaran bacaan meter elektrik dan permohonan lesen perniagaan.

Pengguna boleh mengakses portal e-Darussalam dengan melawat www.gov.bn atau menghubungi talian Darussalam : 123 atau melalui e-mel info@123.ecg.gov.bn di Pusat portal e-Darussalam.



PARA pegawai dari Pusat Kebangsaan E-Kerajaan menyampaikan taklimat pada Jerayawara e-Darussalam mengenai cara mencari dan memohon kekosongan jawatan dalam sektor kerajaan secara atas talian.